



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM MOTIVASI SKOR A BERSAMA KELAB MYSTAR CBP DAN KEMPEN MELABUR DAN MAJU BERSAMA CBP

1. Co-opbank Persatuan (CBP) telah mengadakan Program Motivasi Skor A Bersama Kelab MyStar CBP di Dewan Sekolah Kebangsaan Pengkalan Jaya pada 11 Ogos 2018. Turut hadir dalam program ini adalah Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohd Nor Bin Abd. Razak, pengurusan CBP dan kakitangan CBP Cawangan Kepala Batas.
2. Program ini telah melibatkan lapan buah cawangan CBP di Wilayah Utara iaitu Cawangan Kangar, Alor Setar, Sungai Petani, Butterworth, Kepala Batas, Bayan Baru, Nibong Tebal dan Taiping.
3. Program ini telah mendapat kerjasama daripada Pejabat Pendidikan Daerah melibatkan seramai 1,281 orang murid tahun 6 dari 91 buah sekolah yang bakal menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi tahun 2018.
4. Program Motivasi Skor A Bersama Kelab MyStar CBP merupakan salah satu program Khidmat Sosial Korporat (CSR) CBP. Objektif utama program ini adalah meningkatkan keyakinan diri dalam mencapai kejayaan. Selain itu, para peserta juga turut didedahkan kepada amalan

menabung dan cara pengurusan kewangan dengan betul melalui penyimpanan wang di Bank.

5. Turut diadakan juga sesi taklimat Kempen Melabur & Maju Bersama CBP dan penyerahan cek pelaburan syer anggota oleh Koperasi Pekebun Kecil Daerah Kulim Berhad sebanyak RM450 ribu.
6. Sehingga Jun 2018, keanggotaan CBP adalah seramai 80,592 individu dan 624 koperasi dengan jumlah syer anggota RM573.4 juta. CBP menyasarkan keuntungan sebanyak RM54 juta bagi tahun 2018.
7. Kini CBP sedang giat mempromosikan pelaburan syer keanggotaan melalui Kempen Melabur dan Maju Bersama CBP yang dilancarkan mulai Ogos hingga 31 Disember 2018. Hadiah berupa bar emas benilai RM50,000 untuk dimenangi.

- Tamat -

**Jabatan Perancangan Strategik dan Komunikasi Korporat
Co-opbank Persatuan Malaysia berhad**
**36, Tingkat 7, Wisma RKT 2, Jalan Raja Abdullah,
Off Jalan Sultan Ismail, 50300, Kuala Lumpur**
Tel : 03-2604 0704 (ext 126 / 127 / 130)